



# LAPORAN TAHUNAN 2025

## UNIT FARMASI DAN BEKALAN



**HOSPITAL SUNGAI SIPUT**

JALAN FELDA LASAH  
31100 SUNGAI SIPUT (U)  
PERAK

## 1. PENGENALAN

Unit Farmasi dan Bekalan merupakan salah satu unit sokongan klinikal yang ditubuhkan bersama penubuhan Hospital Sungai Siput pada tahun 1995. Unit ini terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu Farmasi Pesakit Luar, Farmasi Pesakit Dalam, Farmasi Wad dan Farmasi Logistik.

Unit Farmasi dan Bekalan mempunyai kekuatan anggota seramai 33 orang dengan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Farmasi UF14 dan dibantu 32 orang anggota termasuk lantikan kontrak yang terdiri dari pelbagai kategori jawatan:

- 13 Pegawai Farmasi UF12/13/14;
- 6 Pegawai Farmasi Kontrak UF9/10;
- 1 Penolong Pegawai Farmasi U6;
- 6 Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK)/5;
- 2 Pembantu Tadbir N1; dan
- 5 Pembantu Khidmat Am H1;

**Farmasi Pesakit Luar** diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF14 dan dibantu oleh 4 orang Pegawai Farmasi tetap UF12/13/14, 5 orang Pegawai Farmasi kontrak UF9/10, 4 orang Penolong Pegawai Farmasi U6/6(TBK1)/5 serta 2 orang Pembantu Khidmat Am H1;

**Farmasi Pesakit Dalam** terdiri daripada Farmasi Bekalan Wad dan Farmasi Pengeluaran. Farmasi Bekalan Wad diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12 dan seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK1)/5. Farmasi Pengeluaran pula diuruskan oleh seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK1)/5. Terdapat seorang Pegawai Farmasi UF13 dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Farmasi U6(TBK) yang bertugas sepenuh masa dalam pengurusan stor unit Farmasi Pesakit Luar dan Farmasi Pesakit Dalam Hospital Sungai Siput.

**Farmasi Wad** diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi UF13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12 dan seorang Pegawai Farmasi kontrak UF10 yang masing-masing bertugas di wad perubatan perempuan dan lelaki;

**Farmasi Logistik** diketuai oleh seorang Pegawai Farmasi U13 dan dibantu oleh seorang Pegawai Farmasi UF12, 2 orang Pembantu Tadbir N1 dan 3 orang Pembantu Khidmat Am H1 (termasuk seorang Pembantu Khidmat Am yang dipinjamkan sementara oleh pihak pengurusan).

Fungsi utama Unit Farmasi dan Bekalan adalah untuk membekalkan produk termasuk ubat-ubatan dan alat perubatan pakai buang (*disposables*) & guna habis (*consumables*) yang berkualiti, selamat dan berkesan kepada semua pesakit serta menggalakkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat dengan berlandaskan Dasar Ubat Nasional.

## 2. VISI, MISI, GOAL & OBJEKTIF

### 2.1 VISI

Meningkatkan kesihatan rakyat menerusi kecemerlangan dalam amalan farmasi.


### 2.2 MISI

- 2.2.1 Menkuatkuasakan undang-undang dan memperbaharui polisi untuk memastikan produk dan perkhidmatan farmaseutikal adalah berkualiti.
- 2.2.2 Memastikan sistem organisasi yang efektif dan responsif ke arah kelestarian perkhidmatan berkualiti.
- 2.2.3 Membina keupayaan dan profesionalisme menerusi pembangunan bakat dan pemeraksanaan tenaga kerja.
- 2.2.4 Memperhebat kerjasama ke arah mencapai piawaian dan amalan terbaik.

### 2.3 GOAL & OBJEKTIF

- 2.3.1 Memastikan kebolehcapaian berterusan terhadap ubat-ubatan berkualiti, selamat dan kos efektif.
- 2.3.2 Memperkukuh penggunaan ubat-ubatan secara berkualiti dan rasional ke arah kesihatan yang lebih baik.
- 2.3.3 Meningkatkan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal selaras dengan piawaian dan amalan terbaik.
- 2.3.4 Memastikan pengurusan sumber yang efisien dan cemerlang.

### 3. CARTA ORGANISASI UNIT



### 4. PERJAWATAN

#### 4.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN HAKIKI

Jawatan	Gred	Bil Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pegawai Farmasi	UF9/10/12/13/14	18*	13	5
Penolong Pegawai Farmasi	U6	1	1	0
Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK)/6(TBK1) /5	6	6	0
Pembantu Tadbir (P/O)	N2(TBK1)/N1	2	2	0
Pembantu Khidmat Am	H1	5*	5	0
<b>JUMLAH</b>		<b>29</b>	<b>27</b>	<b>2</b>

\*kelulusan tambahan 5 post perjawatan PF

\*seorang PKA dipinjam sementara dari unit pengurusan

Bil	Nama	Jawatan	Gred
1.	Nurul Akhmam Binti Abdullah	Ketua Pegawai Farmasi	UF14
2.	Chai Pey Shan	Pegawai Farmasi	UF14
3.	Noor Asyrul Fazly Bin Ahmad	Pegawai Farmasi	UF14
4.	Ooh Wei Hon	Pegawai Farmasi	UF14
5.	Teoh Lee Rhui	Pegawai Farmasi	UF13
6.	Zulhusna Binti Rozali	Pegawai Farmasi	UF13
7.	Chan Wai Toong	Pegawai Farmasi	UF13
8.	Noor Aridza Binti Amran	Pegawai Farmasi	UF13
9.	Mohamad Faizal Bin Mansor@Din	Pegawai Farmasi	UF13
10.	Nur Faizah Binti Mohamad Ariff	Pegawai Farmasi	UF12
11.	Desmond Poh Kah Man	Pegawai Farmasi	UF12
12.	Choong Khai Sin	Pegawai Farmasi	UF12
13.	Shalina Binti Abdul Manap	Pegawai Farmasi	UF12
14.	Mohd Yuzaima Bin Abd Ghafar	Penolong Pegawai	U6

		Farmasi	
15.	Noorazian Binti Abu	Penolong Pegawai Farmasi	U6 (TBK)
16.	Nor Azira Binti Ahmad Nordin	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
17.	Norlizawati Binti Mohamad Yusof	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
18.	Meor Ibrahim Bin Ismail	Penolong Pegawai Farmasi	U6(TBK1)
19.	Ainul Zalillah Binti Arohman	Penolong Pegawai Farmasi	U5
20.	Nurul Liyana Binti Sabarudin	Penolong Pegawai Farmasi	U5
21.	Shaharimah Binti Abu Bakar	Pembantu Tadbir (P/O)	N2(TBK1)
22.	Nur Amanina Binti Ahmad Mustaffa	Pembantu Tadbir (P/O)	N1
23.	Nor Hasida Binti Abd Kadir	Pembantu Khidmat Am	H1
24.	Mastura Binti Sohieb	Pembantu Khidmat Am	H1
25.	Gaithiri A/P Jayapragasam	Pembantu Khidmat Am	H1
26.	Md. Isa Bin Zakaria	Pembantu Khidmat Am	H1
27.	Jamar Huri Bin Mohamad Mokhtar*	Pembantu Khidmat Am	H1

\*seorang PKA dipinjam sementara dari unit pengurusan

Tarikh Kemaskini: 5 Januari 2026

#### 4.2 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN KONTRAK

Jawatan	Gred	Bil Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pegawai Farmasi (Kontrak)	U9/10	6	6	0
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	<b>6</b>	<b>0</b>

Bil	Nama	Jawatan	Gred
-----	------	---------	------

1.	Ranina Binti Mohd Tajuladnan	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
2.	Chong Kar Yee	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
3.	Nurhazirah Binti Mahdan	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
4.	Lee Sher Lynn	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF10
5.	Santhiya A/P Manikam	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF9
6.	Muhammad Nabil Bin Abd Rahman	Pegawai Farmasi (Kontrak)	UF9

Tarikh Kemaskini: 5 Januari 2026

## 5. SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

### 5.1 FARMASI PESAKIT LUAR

- **SKOP PERKHIDMATAN**

Unit Farmasi Pesakit Luar bertanggungjawab untuk membekalkan ubat-ubatan kepada pesakit luar di Hospital Sungai Siput. Ia merupakan Farmasi Ambulatori yang memberikan perkhidmatan farmasi yang komprehensif kepada pelanggan yang mendapat rawatan sebagai pesakit luar. Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput komited dalam memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkesan, selamat dan berkualiti dalam pelbagai bidang farmakoterapi seperti *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*, Kaunseling Ubat-ubatan dan Rawatan Terapi Gantian (RTG) Methadone di samping mendipens ubat-ubatan kepada pesakit. Perkhidmatan Nilai Tambah (*Value Added Service - VAS*) turut disediakan sebagai kemudahan pesakit mengambil ubat.

- **FUNGSI UTAMA**

- Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit luar
  - Pendispensan ubat-ubatan kepada pesakit luar
  - Pembekalan ubat-ubatan psikotropik kepada pesakit luar/dalam mengikut preskripsi
  - Pendispensan ubat-ubatan secara SPUB (Sistem Pendispensan Ubat-ubatan Bersepadu)
  - Perkhidmatan Nilai Tambah (*Value Added Service - VAS*)

- Pengeluaran dan pembungkusan semula ubat-ubatan
- Perkhidmatan kaunseling mengenai ubat-ubatan kepada pesakit luar
  - Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit luar
- Perkhidmatan farmasi penjagaan ambulatori
  - Pendispensan terapi gantian sirap methadone
  - Perkhidmatan MTAC
  - Farmakoterapi Berhenti Merokok
- Pengurusan stok ubat dan bukan ubat di stor unit farmasi
  - Pemesanan, penerimaan dan penyimpanan stok ubat dan bukan ubat dari Farmasi Logisitk
  - Pengeluaran stok dari stor unit
  - Pengendalian Ubat Hampir Tarikh Luput/ Lambat Bergerak
  - Pelupusan stok
  - Pemeriksaan dan pengawalan stok ubat dan bukan ubat di stor unit farmasi
  - Pengendalian Aduan Produk dan Panggil Balik Produk
- Perkhidmatan membekalkan maklumat ubat-ubatan
  - Membekalkan maklumat ubat-ubatan yang bebas dan berdasarkan bukti kepada pengamal penjagaan kesihatan, pesakit dan orang awam
- Pemantauan berterusan terhadap kualiti dan keselamatan produk ubat-ubatan
  - Pelaporan kejadian *Adverse Drug Reaction* (ADR)
  - Pelaporan kejadian *Medication Error* (ME)

- Pelaporan kejadian *Adverse Events Following Immunization* (AEFI)

## 5.2 FARMASI PESAKIT DALAM

### • SKOP PERKHIDMATAN

Unit Farmasi Pesakit Dalam terdiri daripada Farmasi Bekalan Wad dan Farmasi Pengeluaran. Bahagian ini bertanggungjawab memberikan perkhidmatan farmasi yang komprehensif dengan membekalkan ubat-ubatan kepada pesakit dalam yang mendapatkan rawatan di wad Hospital Sungai Siput.

### • FUNGSI UTAMA

- Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam serta unit/ wad
  - Pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam wad secara Sistem Unit Dose.
  - Pembekalan ubat-ubatan *Floor Stock, After Office Hours* atau/ dan *Emergency Trolley* kepada unit/ wad di hospital.
  - Pembekalan ubat-ubatan psikotropik kepada unit/ wad di hospital.
  - Penyediaan ubat-ubatan secara bukan steril (galenikal dan ekstemporanus)
- Perkhidmatan farmasi klinikal
  - Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (*Clinical Pharmacokinetic Service*)
- Pemantauan berterusan terhadap kualiti dan keselamatan produk ubat-ubatan
  - Pelaporan kejadian *Adverse Drug Reaction* (ADR).
  - Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan Pelaporan kejadian *Medication Error* (ME).

- Pelaporan kejadian *Adverse Events Following Immunization* (AEFI)
- Pemeriksaan terhadap ubat-ubatan di unit/ wad hospital
  - Menjalankan pemeriksaan terhadap ubat-ubatan yang disimpan di unit/ wad secara berkala.

### **5.3 FARMASI WAD**

- **SKOP PERKHIDMATAN**

Unit Farmasi Wad bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkesan, selamat dan berkualiti dalam pelbagai bidang farmakoterapi seperti melakukan *Case Clerking* dan *Medication History Assessment* (MHA) serta kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dalam dan pesakit discaj.

- **FUNGSI UTAMA**

- Perkhidmatan kaunseling mengenai ubat-ubatan kepada pesakit dalam
  - Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dalam wad (*Bedside Counselling*).
  - Perkhidmatan kaunseling kepada pesakit dalam wad yang akan discaj (*Discharge Counselling*).
- Perkhidmatan farmasi wad/ klinikal
  - Menjalankan *Medication History Assessment* (MHA) terhadap pesakit dalam wad.
  - *Case clerking*.
  - Perkhidmatan klinikal dengan menyertai *ward round*.

### **5.4 FARMASI LOGISTIK**

- **SKOP PERKHIDMATAN**

Unit Farmasi Logistik berperanan dalam menguruskan perolehan dan bekalan stok kepada kesemua unit pengguna di Hospital Sungai Siput

dengan berpandukan Arahan Perbendaharaan, Tatacara Pengurusan Stor serta Pekeliling Perolehan semasa. Bekalan stok yang diuruskan meliputi stok ubat-ubatan termasuk vaksin, bukan ubat (*consumbles* dan *disposables*) dan gas perubatan. Farmasi Logistik komited dalam membekalkan barangan yang selamat dan berkualiti dengan pematuhan kepada piagam pelanggan.

- **FUNGSI UTAMA**




- Perolehan Stok
  - Perolehan Secara *Online* Dengan Syarikat Konsesi.
  - Perolehan Secara Pembelian Terus
  - Perolehan Secara Kontrak
  - Perolehan Secara Sebutharga
  - Perolehan Secara Pembelian Darurat
  - Pengurusan Pembayaran
- Pengurusan Stok
  - Penerimaan Barangan
  - Penstoran/ Penyimpanan Barangan
  - Pengeluaran Barangan
  - Pengendalian Ubat Bertarikh Luput/ Lambat Bergerak
  - Pelupusan Barangan
  - Pemeriksaan dan Verifikasi Stok
  - Pengendalian Aduan Produk dan Panggil Balik Produk

## 6. PIAGAM PELANGGAN

### 6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

- **FARMASI PESAKIT LUAR**

- ✚ Memastikan ubat-ubatan yang betul dibekalkan tidak melebihi 30 minit bagi preskripsi yang lengkap diterima.






**Bil 1/2025**

**Bil 2/2025**


• **FARMASI PESAKIT DALAM**

- ✚ Memastikan pembekalan ubat ke wad/ unit bagi preskripsi/ pesanan yang lengkap diterima dalam tempoh masa 4 jam dalam waktu pejabat.






**Bil 1/2025**




**Bil 2/2025**

- FARMASI LOGISTIK**

- + Membekalkan item standard kepada pemesan tidak melebihi 14 hari bekerja selepas pesanan yang lengkap diterima.




**Bil 1/2025**




**Bil 2/2025**

- + Membekalkan item bukan standard kepada pemesan selepas pesanan lengkap diterima tidak melebihi 5 hari bekerja selepas bekalan diterima di Unit Farmasi Logistik.



**Bil 1/2025**



**Bil 2/2025**

**7. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN**


**7.1 KURSUS**

- Sebanyak 2 kursus dan 9 sesi pembelajaran berterusan iaitu CME anjuran unit Farmasi dan Bekalan telah berjaya diadakan sepanjang tahun 2025.
- Berikut merupakan senarai kursus dan CME dalaman yang dianjurkan oleh unit Farmasi dan Bekalan sepanjang tahun 2025;

Bil	Tarikh	Kursus
1.	15.05.2025	Kursus Keselamatan Pengubatan Sesi 1/2025 HSS
2.	19.11.2025	Seminar Hand Hygiene dan Kesedaran Kerintangan Antimikrobial Peringkat Hospital Sungai Siput Tahun 2025


Bil	Tarikh	CME Farmasi
1.	21.02.2025	Latihan Phis Modul Outpatient
2.	24.04.2025	Management of Hypothyroidism
3.	30.05.2025	Taklimat Cara Pemakaian PPE (Penyediaan Ubat Galenikal)
4.	25.06.2025	Echo Training Methadone
5.	11.09.2025	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat Pengurusan Produk Rangkaian Sejuk dan Panduan Membaca Termometer</li> <li>• Introduction to Clinical Pharmacokinetics &amp; Phenytoin</li> </ul>
6.	07.10.2025	Prp Case Presentation – Portal Vein Thrombosis
7.	14.10.2025	Taklimat Garis Panduan Kaunseling
8.	16.10.2025	Malaria
9.	30.10.2025	Prp Case Presentation – Diabetes Ketoacidosis

- Pencapaian latihan anggota Farmasi dan Bekalan 2025;




### 7.2 MyCPD

- Pencapaian 40 mata (minimum) CPD bagi kategori Pegawai Farmasi Jan-Dis 2025;



- Pencapaian 40 mata (minimum) CPD bagi kategori Penolong Pegawai Farmasi Jan-Dis 2025;



## 8. AKTIVITI TAHUN 2025

### A. Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan Inisiatif Kualiti

1. Ada satu (1) kajian R&D bertajuk *Patient's Knowledge, Attitude and Disposing Practice of Unused and Expired Medicines in Outpatient Setting Hospital Sungai Siput* telah berjaya diterbitkan dalam *Perak Technical Report 2025*. Kajian tersebut juga telah dibentangkan di Perak Pharmacy R&D Colloquium Zone 2 pada tarikh 17.7.2025
2. Kajian Lean bertajuk *Improving the Work Process Of Outsourced Therapeutic Drug Monitoring (TDM) at the Outpatient Unit and Specialist Clinic*, Hospital Sungai Siput telah berjaya mendapat johan di Konvensyen Kualiti Peringkat JKN Perak yang diadakan pada tarikh 8 – 9 Julai 2025 yang lalu.
3. Kajian Lean bertajuk Menambahbaik Proses Kerja Penyediaan SPUB di Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput telah berjaya diselesaikan pada tahun 2025.

### B. Aktiviti Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) dan Aktiviti Bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) Hospital Sungai Siput

1. 17 program Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) termasuk aktiviti bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2025.
2. Sebanyak 22 aktiviti dilaksanakan merangkumi aktiviti berikut:
  - a. ceramah - 5
  - b. pameran - 15
  - c. ceramah kesedaran (kakitangan kesihatan) - 1
  - d. lain - lain aktiviti - 1
3. Rumusan Program Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) termasuk aktiviti bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) peringkat HSS;

Bil	Program	Tarikh	Masa	Tempat	Golongan Sasaran	Bilangan Peserta
1	Pameran Kenali Ubat Anda Sempena Kursus Asas Haji	5.1.25	9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Masjid Al-Ghufraniah, Sungai Siput	Orang Awam	60 orang
2	Ceramah 'Suplemen & Pil Pelangsing	15.5.25	3.30 - 4.30 petang	Hospital Sungai Siput (VC)	Anggota Hospital Sungai Siput	60 orang
3	Pameran & Ceramah MyMediSAFE Sempena Program Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS) di Pos Yum, Sungai Siput	21.5.25	9.00 pagi - 2.00 petang	Chalet Pos Yum, Sungai Siput	Orang Awam	100 orang
4	Pameran & Ceramah Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE	16.7.25	8.00 pagi – 1.00 petang	SK RKT Lasah, Sungai Siput	Pelajar sekolah	200 orang
5	Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kempen Derma Darah Anjuran	21.9.25	8.00 pagi – 1.30 petang	Balai Bomba, Sungai Siput	Orang Awam	40 orang

	Muhibbah Jaya Pharmacy Sdn. Bhd.					
6	Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kursus Asas Haji Tahun 1447H / 2026M (Sesi 1)	2.11.25	8.30 pagi – 12.30 tengah hari	Masjid Al-Ghufraniah, Sungai Siput	Jemaah Haji	20 orang
7	Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kursus Asas Haji Tahun 1447H / 2026M (Sesi 2)	16.11.25	8.30 pagi – 12.30 tengah hari	Masjid Al-Ghufraniah, Sungai Siput	Jemaah Haji	20 orang
8	Ceramah Antibiotik, Pameran Antibiotik, Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kempen Hand Hygiene & Minggu Kesedaran Antibiotik Hospital Sungai Siput	19.11.25	8.30 pagi – 12.00 tengah hari	Hospital Sungai Siput	Orang Awam	30 orang
9	Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kursus Asas Haji Tahun 1447H / 2026M (Sesi 3)	21.11.25	8.30 pagi – 12.30 tengah hari	Masjid Al-Ghufraniah, Sungai Siput	Jemaah Haji	20 orang
10	Mesyuarat Bersama Duta KUA HSS Bil.1/2025	23.12.25	2.30 - 4.30 petang	Bilik Persidangan, Hospital Sungai Siput	Duta KUA	7 orang

4. Berikut merupakan gambar-gambar semasa aktiviti dijalankan.



### AKTIVITI QUMC UNIT FARMASI DAN BEKALAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kempen Derma Darah Anjuran Muhibbah Jaya Pharmacy Sdn. Bhd di Balai Bomba, Sungai Siput

Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kursus Asas Haji Tahun 1447H/2026M (Sesi 1) di Masjid Al-Ghufraniah, 31100 Sungai Siput

### AKTIVITI QUMC UNIT FARMASI DAN BEKALAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Pameran Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kursus Asas Haji Tahun 1447H/2026M (Sesi 2) di Masjid Al-Ghufraniah, Sungai Siput

Ceramah Antibiotik, Pameran Antibiotik, Kenali Ubat Anda & MyMediSAFE Sempena Kempen Hand Hygiene & Minggu Kesedaran Antibiotik Hospital Sungai Siput



**C. Aktiviti Medication Safety**

1. Satu kursus berkaitan keselamatan pengubatan telah berjaya dianjurkan oleh Unit Farmasi dan Bekalan untuk anggota hospital sepanjang tahun 2025. Kursus tersebut dilaksanakan di Dewan CME HSS dan dihadiri seramai 20 orang peserta daripada pelbagai kategori jawatan. Butiran kursus adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Tarikh	Tajuk
1	15.05.2025	Kursus Keselamatan Pengubatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Basic Medication Safety Module Part I</i></li> <li>• <i>Basic Medication Safety Module Part II</i></li> <li>• <i>Patient Safety</i></li> <li>• <i>7R</i></li> <li>• <i>Adverse Drug Reaction Reporting &amp; Perkongsian Slaid ADR/AEFI Negeri Perak Jan-Jun 2024</i></li> <li>• <i>Medication Pharmacovigilance System in Malaysia</i></li> </ul>

- *Quiz & Answers Basic Medication Safety Module*

2. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan pengubatan adalah seperti:
  - a. Ceramah *Handling High Risk Medications* telah dilaksanakan pada 27.11.2025
  - b. Pameran Kempen Keselamatan Pengubatan Peringkat Hospital Sungai Siput diadakan pada 19.11.2025
  - c. Pengeluaran Kad Alahan Ubat Pesakit iaitu sebanyak 37 kad bagi tahun 2025
  - d. Penilaian Status Amalan Keselamatan Pengubatan peringkat HSS telah dilaksanakan dalam bulan September 2025 melibatkan 5 unit iaitu Kecemasan & Trauma, Wad Kenanga 2, Klinik Pakar, Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Pesakit Luar dengan markah pencapaian keseluruhan adalah 96.48%
3. Gambar aktiviti sepanjang kempen minggu kesedaran keselamatan pengubatan 2025 peringkat Hospital Sungai Siput;



**D. Kempen Minggu Kesedaran Antibiotik Hospital Sungai Siput**

1. Pameran *Antimicrobial Awareness Week* dan *Hand Hygiene* Peringkat Hospital Sungai Siput Tahun 2025 dengan kolaborasi bersama unit Kawalan Infeksi telah berjaya diadakan pada 19 November 2025 di ruang menunggu pesakit Farmasi Pesakit Luar Hospital Sungai Siput. Seramai 147 pengunjung telah hadir sepanjang pameran tersebut berlangsung mulai jam 8.30 pagi – 12.30 tengah hari.
2. Turut diadakan Seminar *Hand Hygiene* dan Kesedaran Kerintangan Antimikrobial Peringkat Hospital Sungai Siput Tahun 2025 kepada anggota hospital secara bersemuka di Bilik Latihan Modular, Hospital Sungai Siput pada 19 November 2025 dengan kehadiran peserta seramai 25 orang.
3. Gambar aktiviti sepanjang kempen minggu kesedaran antibiotik tahun 2025 peringkat Hospital Sungai Siput;



**E. Perhimpunan Pagi anjuran unit Farmasi dan Bekalan**

1. Aktiviti perhimpunan pagi bagi bulan Mei – Jun 2025 anjuran unit Farmasi dan Bekalan kolaborasi bersama unit Rekod Perubatan telah dilaksanakan pada 25 Julai 2025.
  
2. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang berlangsungnya perhimpunan pagi bulan Julai 2025 iaitu;
  - i. Bacaan doa
  - ii. Nyanyian lagu Negaraku, Kebesaran Negeri Perak dan Kami Sedia Membantu
  - iii. Bacaan Ikrar Rukun Negara
  - iv. Renungan Pagi – *The Race of Life*
  - v. Bacaan Pekeliling Perkhidmatan Awam bertajuk Pelaksanaan Urusan Penanggungungan Kerja di Kementerian Kesihatan Malaysia
  - vi. Tayangan Multimedia Pengenalan Unit
  - vii. Taklimat Promosi MyUBAT dan MyMediSAFE
  - viii. Ucapan Ketua Unit
  - ix. Ucapan Pengarah Hospital
  - x. Pengumuman keluar masuk anggota
  - xi. Pengumuman anggota menyambut Hari Jadi sepanjang bulan Mei dan Jun 2025



#### F. Sambutan Sempena Perayaan di unit Farmasi dan Bekalan

1. Majlis sambutan perayaan peringkat unit Farmasi dan Bekalan kali ini dibuat secara serumpun dengan mengabungkan perayaan Tahun Baru Cina Bersama Hari Raya Aidilfitri.
2. Majlis sambutan tersebut telah diadakan secara dalaman pada 25 April 2025 bertempat di Farmasi Bekalan Wad Hospital Sungai Siput bagi meraikan anggota Farmasi dan Bekalan. Tidak melibatkan anggota dari unit lain.
3. Pihak farmasi juga turut terlibat dalam jamuan terlajak raya peringkat Hospital Sungai Siput yang telah diadakan dengan jayanya pada 2 Mei 2025. Menariknya sambutan ini turut dimeriahkan dengan pertandingan booth unit paling kreatif. Pelbagai juadah termasuk kuih-muih turut disediakan mengikut booth semasa jamuan tersebut.



**G. Aktiviti sempena pertukaran keluar anggota farmasi**

1. Unit Farmasi dan Bekalan turut mengadakan jamuan perpisahan bagi anggota Farmasi yang bertukar keluar dari Hospital Sungai Siput. Jamuan ini hanya dibuat antara kalangan anggota Farmasi dan Bekalan sahaja. Tidak melibatkan anggota dari unit lain.
2. Berikut adalah anggota Farmasi dan Bekalan yang telah bertukar keluar sepanjang tahun 2025 yang lalu;
  - a. Nor Fazliana Bte Mohamad Salleh (1.10.2025)
  - b. Nurul Aisyah Binti Mohd Nazri (1.12.2025)
  - c. Nur Shafinaz Binti Hamzah (22.12.2025)



#### H. Sesi Pengauditan Akreditasi Edisi Ke-6

1. Sesi pengauditan akreditasi edisi ke-6 telah diadakan pada 16 - 18 Jun 2025 oleh MSQH. Hasil kerjasama semua, pihak farmasi telah berjaya mendapat rating 4 dengan penemuan minima dalam Standard 18 – Pharmacy Services.



## I. Penyertaan Pelbagai Pertandingan Peringkat Hospital dan JKN

1. Pelbagai pertandingan telah disertai dengan jayanya oleh anggota farmasi sepanjang tahun 2025 baik di peringkat Hospital Sungai Siput dan juga JKN Perak.
2. Berikut adalah pencapaian dan anugerah daripada pertandingan yang disertai;
  - a. Johan Lean Healthcare di Konvesyen Kualiti JKN Perak 2025
  - b. Tempat Ketiga Pertandingan Video Sketsa Kesedaran Hand Hygiene 2025
  - c. Tempat Keempat Kajian Penyelidikan di Perak Pharmacy R&D Colloquium Zone 2
  - d. Saguhati Pertandingan Reka Cipta Bahan Interaktif Kenali Ubat Anda Negeri Perak 2025


- e. Tempat Kedua Pertandingan Booth Paling Kreatif Sempena Sambutan Terlajak Raya Peringkat Hospital Sungai Siput 2025



## 9. PENCAPAIAN TAHUN 2025

### 9.1 LAPORAN MASA MENUNGGU


- 9.1.1 Sasaran ditetapkan adalah 95% pesakit mendapatkan bekalan ubat dalam tempoh masa kurang daripada 30 minit.
- 9.1.2 Pencapaian Laporan Masa Menunggu bagi tahun 2025 berjaya mencapai sasaran sepertimana ditetapkan iaitu melebihi 95%.



**9.2 LAPORAN PERATUS PEGAWAI FARMASI DAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MENCAPAI KEPERLUAN 40 MATA MAKSIMUM SETAHUN**

9.2.1 Sasaran ditetapkan adalah 100%. Keperluan minimum pengumpulan mata CPD setahun yang perlu dicapai bagi tahun 2025 adalah 40 mata.

9.2.2 Pencapaian laporan CPD ini bagi tahun 2025 berjaya mencapai sasaran sepertimana ditetapkan.




**9.3 LAPORAN PENCAPAIAN PENGGUNAAN PHIS BAGI SEMUA MODUL**

- 9.3.1 Sasaran ditetapkan adalah  $\geq 95\%$  bagi kesemua 11 modul terlibat.
- 9.3.2 Pencapaian penggunaan PHIS bagi tahun 2025 telah mencapai sasaran ditetapkan.



**9.4 LAPORAN PENCAPAIAN PARAS STOK SIMPANAN UBAT OPTIMUM**


- 9.4.1 Sasaran ditetapkan adalah 1 – 3 bulan.
- 9.4.2 Pencapaian OBB ini bagi tahun 2025 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



**9.5 LAPORAN KPI PERATUS PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPENS MELALUI PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH (VAS) BERBANDING PRESKRIPSI SUSULAN DITERIMA**

9.5.1 Sasaran ditetapkan adalah  $\geq 15\%$ .

9.5.2 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2025 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



**9.6 PERATUS MENCAPAI PEMATUHAN PENUH  $\geq 80\%$  BAGI PENILAIAN AMALAN KESELAMATAN PENGUBATAN**

9.6.1 Sasaran ditetapkan adalah  $\geq 80\%$ .

9.6.2 Penilaian amalan keselamatan pengubatan dijalankan melalui pelaksanaan audit sendiri di peringkat fasiliti dengan menggunakan Borang Penilaian Audit Kendiri Amalan Keselamatan Pengubatan (*Medication Safety Self Assessment Form*).


9.6.3 Penilaian audit sendiri ini perlu dilakukan melibatkan 5 lokasi terpilih dalam bulan September dan dipantau secara tahunan.

9.6.4 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2025 mencapai sasaran seperti ditetapkan.




### 9.7 LAPORAN PENCAPAIAN BILANGAN AKTIVITI KAUNSELING UBATAN KEPADA PESAKIT

- 9.7.1 Sasaran ditetapkan adalah mengikut norma sasaran minima kaunseling sehari seperti dalam manual laporan PF iaitu 3-6 sehari (FPL) dan 2-5 sehari (FPD).
- 9.7.2 Pemantauan pencapaian bilangan aktiviti kaunseling dilakukan setiap 3 bulan dalam laporan PF 5.5(a).
- 9.7.3 Pencapaian laporan ini bagi tahun 2025 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



**9.8 LAPORAN PENCAPAIAN BILANGAN PENGAMBILAN SEJARAH PENGUBATAN PESAKIT SEMASA KEMASUKAN KE WAD SEPERTI DITETAPKAN**

- 9.8.1 Sasaran ditetapkan adalah mengikut norma kerja bilangan CP1 diambil sehari seperti dalam manual laporan PF iaitu 3- 5 pesakit sehari bagi setiap Pegawai Farmasi.
- 9.8.2 Pemantauan pencapaian CP1 dilakukan setiap 3 bulan melalui pelaporan PF 6.3(a).
- 9.8.3 Pencapaian KPI ini bagi tahun 2025 berjaya melebihi sasaran sepertimana ditetapkan.



**10. BEBAN KERJA DAN STATISTIK**

**A. FARMASI PESAKIT LUAR**


**1. Aktiviti Pendispensan Ubat**

1.1. Aktiviti pendispensan ubat dijalankan sepanjang waktu operasi Farmasi Pesakit Luar. Farmasi Pesakit Luar beroperasi pada waktu pejabat dan selepas waktu pejabat untuk mendispens ubat kepada pesakit Klinik Lepas Waktu Pejabat (KLWP).


1.2. Waktu operasi Farmasi Pesakit Luar adalah seperti berikut:

- a. Hari bekerja:
    - 8.00 pagi – 5.00 petang (waktu pejabat); dan
    - 6.00 petang – 9.00 malam (selepas waktu pejabat)
  - b. Hari Sabtu, Ahad, dan Cuti Umum:
    - 9.00 pagi – 1.00 petang; dan
    - 6.00 petang – 9.00 malam
- 1.3. Terdapat 2 kaunter pendispensan ubat dibuka semasa waktu pejabat dan hanya 1 kaunter pendispensan ubat dibuka selepas waktu pejabat.
- 1.4. **Rajah 1** merupakan carta perbandingan **bilangan preskripsi** dan **bilangan item didispens** pada **waktu pejabat mengikut bulan** pada tahun **2025**.
- 1.5. **Rajah 2** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan preskripsi** yang diterima dan **bilangan item didispens** pada **waktu pejabat** dari **tahun 2023 sehingga 2025**. Terdapat sedikit penurunan pada jumlah bilangan preskripsi tetapi peningkatan pada bilangan item didispens yang diterima pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya kerana bekalan ubat diberikan selama 2 bulan kepada pesakit.
- 1.6. **Rajah 3** menggambarkan bilangan preskripsi dan bilangan item didispens **selepas waktu pejabat mengikut bulan** pada tahun **2025**.
- 1.7. **Rajah 4** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan preskripsi yang diterima dan bilangan item didispens di luar waktu pejabat** dari **tahun 2023 sehingga 2025**. Carta menunjukkan trend penurunan bagi jumlah bilangan preskripsi yang diterima di luar waktu pejabat berikutan kedatangan pesakit yang melibatkan bekalan susulan mula berkurangan selepas waktu pejabat.


Rajah 1




Rajah 2



Rajah 3



Rajah 4




1. Aktiviti Sistem Pendispensan Ubat-ubatan Bersepadu (SPUB)

1.1. SPUB ialah suatu kaedah pendispensan ubat kepada pesakit yang mendapat bekalan ubat separa dengan preskripsi yang mempunyai durasi melebihi 1 bulan. Juga merupakan suatu kaedah rujukan yang seragam dan teratur bagi pembekalan ubat pesakit di mana-mana fasiliti kesihatan KKM mengikut pilihan pesakit.

1.2. **Rajah 5** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan preskripsi SPUB diterima dan dirujuk keluar** dari **tahun 2023 sehingga 2025**. Didapati penurunan ketara kes SPUB dirujuk keluar pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 disebabkan arahan Program Perkhidmatan Farmasi KKM yang menetapkan 20% dalam penurunan preskripsi SPUB yang dirujuk keluar dari fasiliti.

**Rajah 5**




**2. Aktiviti Perkhidmatan Nilai Tambah (Value Added Services – VAS)**

2.1. Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) melibatkan preskripsi bekalan separa dan merupakan perkhidmatan pilihan kepada pesakit berdasarkan kriteria yang ditetapkan

2.2. Sistem Temujanji, Ubat Melalui Pos (UMP), Farmasi Pandu Lalu dan Lokar Ubat adalah perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan di HSS. Terdapat penurunan pada pencapaian VAS pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2024 berikutan bekalan ubat sebanyak 2 bulan diberikan kepada pesakit bagi mengurangkan bilangan preskripsi susulan.

2.3. **Rajah 6** menggambarkan **bilangan preskripsi ubat yang didispens secara VAS** di hospital ini **pada tahun 2023-2025**.

Rajah 6




### 3. Aktiviti Pengeluaran dan Prabungkus

3.1. Farmasi Pesakit Luar menjalankan aktiviti pengeluaran secara prabungkus ubat cecair/ semi solid/ ubat biji.

3.2. Tugas ini dilakukan oleh 2 orang Pembantu Khidmat Am.

3.3. **Rajah 7** menunjukkan perbandingan penghasilan **aktiviti pembungkusan semula bagi ubat internal, eksternal, dan ubat biji** dari tahun 2023 sehingga 2025.

**Rajah 7**




#### 4. Aktiviti Kaunseling

4.1. Perkhidmatan ini disediakan oleh Pegawai Farmasi yang bertugas di Farmasi Pesakit Luar. Bagi hospital tanpa pakar, sasaran kaunseling individu yang ditetapkan ialah 3 – 6 kaunseling pesakit sehari. Penurunan pada pencapaian bilangan kaunseling dilakukan pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya tetapi sasaran kaunseling masih tercapai dimana sebanyak 894 kaunseling individu telah dilakukan.

4.2. Sebanyak 4 sesi kaunseling berkumpulan dengan kehadiran seramai 13 orang pesakit telah berjaya dilakukan sepanjang tahun 2025.

4.3. **Rajah 8** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan sesi kaunseling individu dan berkumpulan pesakit luar** yang telah dijalankan dari tahun 2023 sehingga 2025. Didapati mula mempunyai trend penurunan bilangan kaunseling dalam tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2024 berikutan kekangan sumber tenaga kerja di unit Farmasi Pesakit Luar. Terdapat 3 orang anggota yang bercuti bersalin pada bulan April, Julai dan September.

Rajah 8



## 5. Aktiviti Pendispensan Terapi Gantian Sirap Methadone

5.1. Pendispensan di Klinik Rawatan Terapi Gantian Metadon dijalankan oleh Pegawai Farmasi sahaja. Namun apabila ketiadaan Pegawai Farmasi disebabkan bercuti atau berkursus, Penolong Pegawai Farmasi yang telah mendapat sijil pengiktirafan pendispensan methadone akan menggantikan tugas mendispens tersebut.


5.2. **Rajah 9** menunjukkan perbandingan **bilangan pesakit klinik RTG Methadone** dari tahun 2023 sehingga 2025. Carta menunjukkan bilangan pesakit aktif klinik RTG Methadone pada tahun 2025 menunjukkan trend penurunan berbanding tahun sebelumnya.

5.3. **Rajah 10** menunjukkan perbandingan bilangan dos pendispensan methadone dari tahun 2023 sehingga 2025.

Rajah 9




Rajah 10




6. Perkhidmatan MTAC

- 6.1. Terdapat dua (2) jenis perkhidmatan MTAC disediakan iaitu MTAC Diabetes dan MTAC Geriatrik.
- 6.2. MTAC adalah perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan tahap dan kualiti penjagaan farmaseutikal terhadap pesakit dengan peningkatan tahap kepatuhan pesakit kepada ubat.
- 6.3. Skop perkhidmatan termasuk medication review, mengenalpasti isu penjagaan farmaseutikal, mendidik dan kaunseling kepada pesakit atau/ dan waris.
- 6.4. **Rajah 11** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan kaunseling dan lawatan susulan yang dilakukan bagi MTAC Diabetes** dari tahun 2023 sehingga 2025. Terdapat sedikit penurunan pada aktiviti DMTAC pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 atas faktor individu pesakit yang tidak dapat hadir secara konsisten pada sesi susulan DMTAC berikutan kekangan masa dan kepatuhan ubat rendah di kalangan pesakit.
- 6.5. **Rajah 12** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan kaunseling dan lawatan susulan bagi MTAC Geriatrik** pada tahun 2023 - 2025. Terdapat sedikit peningkatan dalam bilangan kaunseling susulan GMTAC pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya walaupun pihak farmasi menghadapi kesukaran untuk merekrut pesakit baharu dalam sesi GMTAC.

### Rajah 11



Rajah 12



## 7. Aktiviti Pusat Maklumat Ubat

7.1. Pertanyaan mengenai ubat-ubatan akan dijawab oleh Pegawai Farmasi dengan berpandukan buku rujukan yang sedia ada.

7.2. Antara sumber rujukan yang digunakan:

- 7.2.1. Micromedex
- 7.2.2. MIMS database
- 7.2.3. Lexi-comp Drug Information Handbook
- 7.2.4. Medscape
- 7.2.5. Formulari Ubat KKM
- 7.2.6. Formulari Hospital Sungai Siput
- 7.2.7. CPG
- 7.2.8. National Antibiotic Guideline

7.3. **Rajah 13** menunjukkan pencapaian **pertanyaan yang diterima** di Farmasi Pesakit Luar dan Pesakit Dalam bagi tahun 2023 - 2025. Didapati trend peningkatan ketara pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 berikutan susulan tindakan penambahbaikan berterusan dilaksanakan bagi dokumentasikan pertanyaan diterima daripada profesional kesihatan KKM dan orang awam.

Rajah 13



## B. FARMASI PESAKIT DALAM

### 1. Aktiviti Pembekalan Ubat-ubatan kepada Pesakit Dalam dan Wad / Unit

1.1. Pembekalan ubat kepada pesakit di wad/unit dibuat secara individu (*patient basis*) dan pukal (mengikut keperluan). Jenis sistem pembekalan ubat secara individu yang digunakan adalah sistem pembekalan unit dos (UDS) telah dilaksanakan secara 100% di Hospital Sungai Siput. Selain itu, stok ubat-ubatan turut dibekalkan secara pukal ke wad dan unit menerusi pembekalan stok wad (*floor stock* dan *after office hour*), stok troli kecemasan dan stok psikotropik.


1.2. **Rajah 14** menunjukkan **perbandingan jumlah bilangan preskripsi pesakit dalam secara UDS dan preskripsi discaj yang diterima** daripada wad dari tahun 2023 sehingga 2025. Daripada carta dapat diperhatikan bahawa bilangan preskripsi UDS yang diterima pada tahun 2025 menunjukkan trend peningkatan berbanding tahun 2024 berikutan peningkatan penerimaan kes pesakit dari hospital kluster.

1.3. **Rajah 15** merupakan carta perbandingan **jumlah bilangan item ubat yang dibekalkan kepada wad / unit secara UDS, discaj dan bekalan tradisional** dari tahun 2023 sehingga tahun 2025.

#### Rajah 14



Rajah 15




**2. Aktiviti Penyediaan Ubat-ubatan secara Bukan Steril (Galenikal dan Ekstemporanus)**

2.1. Farmasi Pesakit Dalam menyediakan sesetengah ubat-ubatan secara bukan steril, iaitu secara galenikal ataupun ektemporanus.

2.2. Penyediaan ini dilakukan oleh Penolong Pegawai Farmasi di bawah seliaan Pegawai Farmasi. Aktiviti ini dijalankan mengikut keperluan.

2.3. **Rajah 16** menunjukkan perbandingan **bilangan sediaan bukan steril** (ektemporanus, internal, dan eksternal yang disediakan dari tahun 2023 sehingga 2025.

**Rajah 16**




### 3. Aktiviti Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan kepada Pesakit Dalam Wad

3.1. Terdapat 2 jenis perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan disediakan kepada pesakit dalam iaitu *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*.

3.2. **Rajah 17** merupakan carta jumlah **bilangan *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*** yang telah dilakukan pada tahun 2025.

3.3. **Rajah 18** menunjukkan trend perbandingan bagi jumlah **bilangan *Bedside Counselling* dan *Discharge Counselling*** yang telah dilakukan dari tahun 2023 sehingga tahun 2025. Didapati bilangan kaunseling dilakukan dalam tahun 2025 meningkat berbanding tahun sebelumnya berikutan Pegawai Farmasi Provisional (PrP) turut membantu dalam melaksanakan sesi kaunseling di wad.

**Rajah 17**



**Rajah 18**



#### 4. Aktiviti Farmasi Wad / Klinikal


4.1. Aktiviti Farmasi Wad / Klinikal adalah selaras dengan konsep Penjagaan Farmaseutikal iaitu amalan farmasi yang berorientasikan *outcome* dan berfokuskan pesakit.

4.2. Aktiviti farmasi wad merangkumi *medication history taking, case clerking, pharmacotherapy rounds, medication reviewing, medication reconciliation, medication counseling* dan *discharge planning*.


4.3. **Rajah 19** menunjukkan perbandingan **bilangan CP1 dan CP2** yang telah dilakukan dari tahun 2023 sehingga tahun 2025.

4.4. **Rajah 20** menunjukkan perbandingan **bilangan CP4** yang telah dilakukan dari tahun 2023 sehingga tahun 2025.

#### Rajah 19



Rajah 20




**5. Aktiviti Farmakokinetik Klinikal – Pemonitoran Ubat Terapeutik (TDM)**

5.1. Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal – Pemonitoran Ubat Terapeutik (TDM) adalah suatu perkhidmatan disediakan untuk memantau paras ubat dalam badan dengan tujuan menguji paras terapeutik ubat, paras ketoksikan ubat, mengesan komplians pesakit, dan seterusnya mengubahsuai dos ubat atau regimen.

5.2. Hospital Sungai Siput tidak menjalankan analisis sampel darah. Kesemua sampel darah TDM akan dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh untuk dijalankan analisis.

5.3. **Rajah 21** menunjukkan perbandingan **jumlah bilangan pemantauan kes TDM** yang dijalankan dari tahun 2023 sehingga 2025.

Rajah 21




## 6. Aktiviti Pelaporan Kejadian Adverse Drug Reaction (ADR)

6.1. Sebarang kejadian ADR yang dikesan oleh anggota kesihatan di Hospital Sungai Siput akan dimaklumkan kepada Pegawai Farmasi. Kejadian tersebut akan dilaporkan secara bertulis dan online kepada pihak MADRAC (*Malaysian Adverse Drug Reaction Advisory Committee*).

6.2. **Rajah 22** menunjukkan **bilangan pelaporan kejadian ADR** dari tahun 2023 hingga 2025. Didapati menurun sedikit dalam tahun 2025 berbanding tahun lepas. Bilangan pelaporan kerana bergantung kes ADR yang dilaporkan oleh profesional kesihatan. Walaubagaimanapun, pelaporan ADR tahun 2025 ini berjaya mencapai sasaran tahunan ditetapkan iaitu 40 kes setahun.

Rajah 22



## 7. Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan Pelaporan Kejadian Medication Error (ME)


7.1. Aspek keselamatan pengubatan merupakan salah satu aspek yang penting dalam keselamatan pesakit (*patient safety*).

7.2. Beberapa aktiviti dijalankan oleh pihak farmasi sebagai usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan pengubatan. Antaranya ialah pemberian ceramah, pameran dan kursus yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan di kalangan anggota kesihatan hospital dengan membudayakan amalan pengubatan yang selamat. Selain daripada itu, kad alahan akan dikeluarkan kepada pesakit yang dikesan mempunyai alahan ubat dan kejadian *Medication Error* digalakkan untuk dilaporkan.


7.3. **Rajah 23** merupakan carta perbandingan bagi **aktiviti keselamatan pengubatan** yang telah dijalankan dari tahun 2023 sehingga 2025.

7.4. **Rajah 24** pula menunjukkan **bilangan pelaporan medication error (ME)** yang telah dilaporkan dari tahun 2023 sehingga 2025. Terdapat peningkatan pada pelaporan ME pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 berikutan kesedaran anggota kesihatan dalam membuat pelaporan kesilapan pengubatan yang berlaku di unit.

**Rajah 23**



**Rajah 24**




## 8. Klinik Berhenti Merokok

8.1. Klinik Berhenti Merokok mula beroperasi sejak bulan Ogos 2011 di Hospital Sungai Siput.

8.2. Pasukan kesihatan Klinik Berhenti Merokok ini terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan, Jururawat, dan Penolong Pegawai Perubatan. Pegawai Farmasi hanya memainkan peranan penting dalam memberi kaunseling dari segi farmakoterapi kepada pesakit.

8.3. **Rajah 25** menunjukkan ada peningkatan pencapaian pesakit hadir pada temujanji pertama dan dimulakan farmakoterapi dalam Klinik Berhenti Merokok Hospital Sungai Siput pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya berikutan kesukaran untuk merekrut pesakit baharu dalam Klinik Berhenti Merokok.

### Rajah 25



### C. FARMASI LOGISTIK

#### 1. Pengurusan / Pengendalian Stok

- 1.1. Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput menguruskan perolehan, penyimpanan, dan pengeluaran barangan kepada kesemua unit pemesan di hospital ini.
- 1.2. Secara umumnya, stok barangan yang dikendalikan oleh pihak Farmasi Logistik adalah merangkumi stok ubat-ubatan, bukan ubat (*disposable & consumables*) dan gas perubatan.
- 1.3. **Rajah 26** menggambarkan perbandingan aktiviti penerimaan stok dari segi jumlah **bilangan penerimaan stok** dari tahun 2023 sehingga 2025 di Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput manakala **Rajah 27** menunjukkan perbandingan aktiviti penerimaan stok dari segi jumlah **nilai penerimaan stok** dari tahun 2023 sehingga 2025.

1.4. Daripada **Rajah 28** dan **Rajah 29** pula menunjukkan aktiviti pengeluaran stok dari segi jumlah **bilangan pengeluaran stok** dan jumlah **nilai pengeluaran stok** dari tahun 2023 sehingga 2025.

**Rajah 26**



**Rajah 27**



Rajah 28



Rajah 29



**2. Pengurusan Peruntukan dan Perbelanjaan**

2.1. Jadual yang berikut menggambarkan jumlah peruntukan yang diterima dan jumlah perbelanjaan bersih oleh Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput pada tahun 2025;

Bil	OL	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Bersih (RM)
1.	27404	Vaksin	10,000.00	9,927.02
2.	27401	Ubat	4,129,000.00	4,128,485.13
3.	27499	Bukan Ubat	755,000.00	753,626.28
4.	27402	Gas Perubatan	306,000.00	224,003.02
5.	27501	X-Ray	0.00	0.00
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>			<b>5,200,000.00</b>	<b>5,116,041.45</b>

2.2. **Rajah 30** menunjukkan perbandingan jumlah peruntukan yang diterima dari tahun 2023 sehingga 2025. Didapati kesemua peruntukan tersebut telah berjaya dibelanjakan sebanyak 98.39% pada tahun 2025.

Rajah 30




### 3. Kadar Pusingan Stok Tahunan (KPS)

3.1. Prestasi pengurusan stor dapat dinilai dari segi pencapaian Kadar Pusingan Stok Tahunan.

3.2. **Rajah 31** menunjukkan carta perbandingan **kadar pusingan stok tahunan** dari tahun 2023 sehingga 2025. Kadar Pusingan Stok Tahunan yang ideal adalah perlu melebihi 4. Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput telah berjaya mencapai sasaran tersebut dari tahun 2023 hingga 2025. Ini menunjukkan sistem pengurusan stor di Farmasi Logistik Hospital Sungai Siput berada dalam prestasi cemerlang serta cekap menguruskan bekalan stok bagi memenuhi keperluan kesemua unit/wad di Hospital Sungai Siput.

**Rajah 31**



## 11. PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2026

### A. AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

<b>TEMA 1: PENJAGAAN FARMASEUTIKAL MAMPAN TERAS MASYARAKAT SEJAHTERA</b>		
<b>Strategi 1: Pemerkasaan Penyampaian Farmasi Yang Berkualiti</b>		
<b>Inisiatif 1: Memperkukuhkan Perkhidmatan MTAC</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus pesakit DMTAC yang menunjukkan peningkatan signifikan dalam parameter klinikal utama (HbA1c)	≥ 70% pesakit mencapai penurunan HbA1c selepas 4 sesi lawatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan perkhidmatan farmasi klinikal mengikut garis panduan</li> <li>2. Mengenalpasti isu berkaitan penyampaian perkhidmatan dan</li> <li>3. mengambil tindakan penambahbaikkkan.</li> <li>4. Mengemukakan data pemantauan kepada BPF negeri</li> </ol>
<b>Inisiatif 2: Memantapkan Aktiviti Kesedaran Perkhidmatan Farmasi Di Fasiliti KKM</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus penggunaan bahan kempen yang diselaraskan bagi pelaksanaan kempen Minggu Kesedaran Antimicrobial Resistance	100% fasiliti menggunakan bank soalan kuiz dan slaid ceramah untuk kempen	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan kempen dengan menggunakan bahan kempen yang diselaraskan</li> <li>2. Memberikan maklumbalas pelaksanaan kempen</li> </ol>
Peratus penggunaan bahan kempen yang diselaraskan untuk aktiviti Minggu Kesedaran Keselamatan Pengubatan	100% penggunaan bahan kempen yang telah diselaraskan iaitu bahan hebahan di media sosial rasmi PTJ	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan kempen (Nov 2026)</li> <li>2. Memberikan maklumbalas pelaksanaan kempen (Nov 2026)</li> </ol>
<b>Inisiatif 3: Memperkukuh Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi Melalui Penggunaan</b>		

<b>Optimum Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat (MyUbat)</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (VAS) di fasiliti yang menggunakan sistem MyUbat bagi memproses preskripsi susulan yang dibekal melalui perkhidmatan tersebut	70% perkhidmatan VAS fasiliti menggunakan sistem MyUbat bagi pembekalan preskripsi ubat susulan VAS	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan dan menghantar laporan ke BPF Negeri sebelum 1 Ogos 2026 melalui pautan Borang Pelaporan</li> </ol>
Peratus preskripsi VAS diproses menggunakan sistem MyUBAT	40% preskripsi VAS diproses menggunakan sistem MyUBAT	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan dan menghantar laporan ke BPF Negeri sebelum 1 Ogos 2026 melalui pautan Borang Pelaporan</li> </ol>
<b>Inisiatif 4: Memperkukuhkan Perkhidmatan Di Kaunter Farmasi Pesakit Luar Dengan Menambah Baik Masa Menunggu</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus preskripsi didispens dalam masa 30 minit	95%	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan tindakan penambahbaikan (contoh: pelaksanaan inisiatif LEAN).</li> <li>Menghantar laporan masa menunggu ke BPF Negeri setiap bulan sebelum 5hb.</li> </ol>
<b>Inisiatif 5: Memantapkan Pengurusan Ubat-Ubatan Di Kaunter Farmasi Melalui Sistem Inventori Berkomputer</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus pelaksanaan pemeriksaan stok level 3 mencapai skor cemerlang	100%	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengemukakan laporan pemeriksaan ke BPF Negeri sebelum 15 Ogos 2026.</li> </ol>
Bilangan video Pemudah	Enam (6) video	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan video</li> </ol>

Cara Penggunaan MyPhIS 2.0 dikongsikan	dikongsikan dan dimuat naik	pemudah cara ini bagi rujukan pelaksanaan tugas anggota farmasi.
<b>Inisiatif 6: Memantapkan Pengurusan Farmasi Pesakit Dalam</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus penemuan yang ditambahbaik selepas analisa laporan pemeriksaan wad	≥90% penemuan yang dikenalpasti melalui pemeriksaan wad/unit diambil tindakan pembetulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menghantar maklumbalas mengikut format laporan yang ditetapkan oleh JK FPD Negeri Perak.</li> <li>Mengenalpasti penemuan kritikal dipantau dan tindakan pembetulan yang telah diambil.</li> </ol>
Peratus melaksanakan permulaan penggunaan Panduan Pengurusan Stok dan Ubat Pesakit di wad	100%	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengedarkan kepada anggota fasiliti.</li> <li>Mengemaskini panduan berdasarkan tempoh yang ditetapkan atau berdasarkan keperluan semasa.</li> <li>Mengimplementasi panduan</li> </ol>
<b>Inisiatif 7: Menjamin Ketersediaan Ubat Toksikologi, Antidot, Anti-Venom Dan Ubat Kecemasan</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Purata masa akses bagi maklumat berkaitan menggunakan Emergency Meds Dashboard	≤ 5 minit untuk akses maklumat berkaitan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kemas kini stok tepat pada masanya.</li> <li>Membuat maklum balas mengikut format laporan yang ditetapkan oleh JK FPD Negeri Perak sebelum 5hb setiap bulan.</li> </ol>

<b>Inisiatif 8: Memantapkan Perkhidmatan Bekalan Ubat Pesakit Luar</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus Penurunan preskripsi SPUB yang dirujuk keluar berbanding tahun 2025	> 20%	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti isu/cabaran pelaksanaan dan merancang strategi yang bersesuaian.</li> <li>2. Mempromosikan perkhidmatan VAS sebagai alternatif SPUB kepada pesakit dan petugas kesihatan fasiliti.</li> <li>3. Menghantar laporan pencapaian ke BPF Negeri setiap tiga bulan.</li> </ol>
<b>Strategi 2: Memperkukuh Perkhidmatan Farmasi Melalui Inovasi Digital</b>		
<b>Inisiatif 1: Pementapan Akses Dan Penyebaran Maklumat Farmaseutikal Melalui Platform Digital</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus penggunaan aktif dashboard eDICE sebagai rujukan Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat	Dashboard diakses sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan dashboard (Julai -Dec)</li> </ol>

<b>TEMA 2: KETERJAMINAN AKSES UBAT-UBATAN</b>		
<b>Strategi 1: Keterjaminan Akses Ubat-Ubatan</b>		
<b>Inisiatif 1: Memantapkan Pengurusan Akses Ubat Kepada Pesakit</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Penurunan kuasa melulus bagi pemprosesan permohonan Ubat Kelulusan Khas (UKK) di peringkat fasiliti	Pelaksanaan penurunan kuasa melulus bagi permohonan UKK bagi ubat dalam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenalpasti dan melantik pegawai di fasiliti yang memiliki kompetensi untuk penilaian permohonan.</li> <li>2. Memberikan maklum balas</li> </ol>

	FUKKM dengan indikasi off-label:- Sehingga RM15,000.00 bagi setiap pesakit setahun atau bagi setiap treatment course	pelaksanaan pemprosesan UKK termasuk isu-isu berkaitan.
Peratus penggunaan elemen BIA dalam pembentangan Mesyuarat JKUT bagi penyenaiaan ubat ke dalam formulari fasiliti	100% penggunaan elemen BIA dalam pembentangan Mesyuarat JKUT bagi penyenaiaan ubat (sekurang-kurang satu ubat) ke dalam formulari fasiliti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghantar peserta yang layak ke bengkel mengikut kriteria.</li> <li>2. Membuat pembentangan JKUT menggunakan template yang disediakan.</li> <li>3. Menyediakan sekurang-kurangnya satu ubat dalam JKUT fasiliti dengan elemen BIA.</li> </ol>

<b>TEMA 3: PEMBANGUNAN KAPASITI LOGISTIK</b>		
<b>Strategi 1: Memperkukuhkan Pengurusan Logistik Di Fasiliti Kesihatan KKM</b>		
<b>Inisiatif 1: Memantapkan Pengurusan Stor Farmasi Logistik</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Peratus pelaksanaan latihan pengurusan stor (Modul Latihan Farmasi Logistik - Beginner)	100% pelaksanaan sesi latihan bagi Modul Latihan Farmasi Logistik (Beginner)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan sesi latihan pengurusan stor kepada anggota beginner (Mac-Jul 2026).</li> <li>2. Mengemukakan status pelaksanaan kepada pihak JKN (Ogos 2026).</li> </ol>
<b>Inisiatif 2: Memantapkan Perolehan Bekalan Perubatan Di Fasiliti Kesihatan Awam</b>		

Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Peratus test strips yang dimasukkan bawah Objek Lanjut 27403 dalam ABM 2027	100% test strips (mengikut senarai yang dipersetujui) dimasukkan bawah OL 27403 dalam ABM 2027	1. Mengisi ABM2027 berdasarkan surat yang dikeluarkan oleh BPF Negeri (Apr-Mei 2026).

TEMA 4: PEMERKASAAN KOMUNITI		
Strategi 1: Pementapan Penjagaan Khusus Perseorangan (People-Centred Care) Melalui Perkhidmatan Farmasi Penilaian Ubatubatan Di Rumah (Home Medication Review)		
Inisiatif 1: Memperkukuh Penglibatan Ahli Farmasi Dalam Institusi Penjagaan Kesihatan		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan perluasan sesi Home Medication Review - MultiDisiplin / Pasukan Farmasi / DPM	1 sesi Home Medication Review - MultiDisiplin / Pasukan Farmasi / DPM	1. Melaporkan program HMR melalui IDQUMC
Strategi 2: Pemerksaan Literasi Kesihatan Pengguna		
Inisiatif 1: Mengaplikasikan Pendekatan Sains Tingkah Laku (Behavioural Insight) Dengan Menggunakan Authority Figures Dalam Penyebaran Informasi Ubat-Ubatan Kepada Pengguna		
Indikator	Sasaran	Cadangan Penambahbaikan
Bilangan Aktiviti Penggunaan Ubat Secara Berkualiti kepada Pengguna dilaksanakan (termasuk HMR)	23 aktiviti / tahun	1. Melaksanakan aktiviti dan melaporkan ke dalam sistem IDQUMC

TEMA 5: PENGURUSAN PUSAT KECEMERLANGAN, PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN YANG DINAMIK DAN BERKUALITI
Strategi 1: Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Farmasi Yang Berkualiti

<b>Inisiatif 1: Menambahbaik Penyampaian Pelaksanaan Program Pendidikan Dan Kesedaran Pengguna</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Tempoh pengumpulan FAQ KUA Siri 2	Mac hingga Julai 2026	1. Mengumpul soalan dari orang awam semasa aktiviti KUA di lapangan
<b>Inisiatif 2: Menambahbaik Perkhidmatan Farmasi DMTAC dan AMS Melalui Pendidikan</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Bilangan laporan Analisa yang dihasilkan pada tempoh yang ditetapkan	Sekurang-kurangnya satu laporan analisis disediakan berdasarkan data yang dikumpul dari fasiliti sebelum penghujung Ogos 2026.	1. Melaksanakan pengumpulan data dan menghantar maklum balas sebelum tarikh yang ditetapkan

## B. PENGURUSAN FARMASI

<b>INFRASTRUKTUR &amp; PERANCANGAN FARMASI</b>		
<b>Kluster 1: Mengukuhkan Tadbir Urus &amp; Pemantauan Operasi Organisasi</b>		
<b>Inisiatif 1: Pelaksanaan Kursus Tadbir Urus Dan Integriti Program Perkhidmatan Farmasi</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Memantau kefahaman anggota farmasi berkaitan Tadbir Urus Ubat-ubatan Yang Baik	80% anggota Farmasi yang menghadiri latihan GGM mencapai markah minimum kefahaman sebanyak 70%	1. Dua (2) kali pemantauan: <ol style="list-style-type: none"> <li>Januari 2026</li> <li>Julai 2026</li> </ol>

<b>KUALITI &amp; PENYELIDIKAN FARMASI</b>		
<b>Kluster 1: Penguksuhan Pengurusan &amp; Pemantauan Projek Pembangunan, Inovasi &amp; ICT</b>		
<b>Inisiatif 1: Memantapkan Tadbir Urus Pelaksanaan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti (QIIS) Farmasi</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Memastikan setiap fasiliti farmasi mempunyai kajian kualiti yang aktif.	1 kajian	1. Menjalankan kajian kualiti mengikut sasaran yang ditetapkan.

<b>PEMBANGUNAN PROFESION FARMASI</b>		
<b>Kluster 1: Penguksuhan Kompetensi &amp; Keupayaan Sumber Manusia Program Perkhidmatan Farmasi</b>		
<b>Inisiatif 1: Memperkukuh Kepakaran Anggota Dan Pembangunan Kepimpinan Dalam Perkhidmatan</b>		
<b>Indikator</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Penguksuhan dan peluasan Sistem iHRx (Human Resource for Pharmacy) bagi menggantikan template data Sumber Manusia Farmasi (SMF) secara manual.	Pelaksanaan rintis di JKN Perak	1. Mengemaskini data iHRx

## 12. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, perkhidmatan Unit Farmasi dan Bekalan Hospital Sungai Siput yang ditawarkan telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2025. Dalam masa yang akan datang, kami akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan mempelbagaikan lagi perkhidmatan yang sedia ada demi mencapai objektif unit iaitu untuk memastikan penggunaan

ubat-ubatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan dengan menggalakkan penggunaan ubat berdasarkan bukti dan memberi terapi yang berkeberkesanan kos (*cost-effective*) serta membekalkan maklumat ubat-ubatan yang berdasarkan bukti.

**Disediakan Oleh:**

Nurul Akhmam Bt Abdullah,  
Ketua Pegawai Farmasi UF14,  
Unit Farmasi dan Bekalan,  
Hospital Sungai Siput.